

**SISTEM PENANAMAN PADI BUKIT DI
KAMPUNG LOGUB, KIULU, SABAH**

DEBBIE RANE LINDA SIMON



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
2022**

**SISTEM PENANAMAN PADI BUKIT DI
KAMPUNG LOGUB, KIULU, SABAH**

DEBBIE RANE LINDA SIMON



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS


JUDUL : **SISTEM PENANAMAN PADI BUKIT DI KAMPUNG LOGUB, KIULU, SABAH.**

IJAZAH : **SARJANA MUDA**

BIDANG : **GEOGRAFI**

Saya **DEBBIE RANE LINDA SIMON**, sesi **2019-2022**, mengaku membenarkan tesis Sarjana Muda ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Debbie

DEBBIE RANE LINDA SIMON
BA19110353

Disahkan oleh,
ANITA ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
(Tandatangan Pustakawan)

Jurry

(Dr. Jurry Foo)
Penyelia

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Sarjana Muda ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri. Melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 Ogos 2022



Debbie Rane Linda Simon

BA19110353



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **DEBBIE RANE LINDA SIMON**
NO MATRIK : **BA19110353**
TAJUK : **SISTEM PENANAMAN PADI BUKIT DI
KAMPUNG LOGUB, KIULU, SABAH.**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA**
BIDANG : **GEOGRAFI**

DISAHKAN OLEH;



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan


PENGHARGAAN

Salam sejahtera dan salam ekokampus.

Syukur kepada hadrat ilahi kerana berkatnya saya dapat menyiapkan tesis sistem penanaman padi bukit di Kampung Logub, Kiulu, Sabah dengan jayanya.

Dengan kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Dr Jurry Foo, selaku penyelia latihan ilmiah saya yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang tidak terhingga sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada ibu bapa saya atas doa mereka supaya saya sentiasa berjaya dalam pelajaran saya. Mereka juga banyak memberikan saya sokongan dari segi motivasi dalam menjayakan tesis ini. Dengan berkat dan sokongan yang mereka berikan saya berjaya menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Ucapan ini juga ditujukan kepada informan kajian saya yang telah membantu saya mendapatkan data kajian ini. Segala bantuan yang diberikan adalah sangat penting dalam membantu saya menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan saya yang secara langsung dan tidak langsung membantu saya menyiapkan tesis ini. Segala bantuan dan sokongan yang mereka berikan membantu saya untuk semakin bermotivasi dalam menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Debbie Rane Linda Simon

12 Ogos 2022

ABSTRAK

Pertanian padi bukit merupakan antara satu cara yang digunakan oleh petani dalam penanaman padi. Pertanian padi bukit ialah aktiviti pertanian padi oleh petani yang tinggal di kawasan tanah tinggi. Pertanian ini juga mempunyai variasinya tersendiri bagi menggambarkan keunikan sesuatu bangsa yang mengusahakannya. Perbezaan cara sistem penanaman padi bukit di setiap kawasan menyebabkan bidang kajian ini harus dikaji. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti aktiviti penanaman padi bukit di Kampung Logub, Kiulu, Sabah. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji sistem penanaman padi bukit dan faktor yang mempengaruhi petani terlibat dalam penanaman padi bukit. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif dengan menggunakan temu bual dan kaedah pemerhatian. Data kajian dianalisis menggunakan transkrip verbatim, analisis naratif dan analisis kandungan. Hasil kajian yang diperoleh adalah berkaitan dengan sistem penanaman padi bukit di Kampung Logub yang dijalankan hanya sekali dalam tempoh setahun. Antara proses yang digunakan secara berperingkat ialah *rumilik*, *managad*, *monutud*, *mongurak*, *momoom*, *mangasok*, *gumamas*, *momuhau*, *mongomot*, dan *mongihang*. Petani ini juga masih mengekalkan penggunaan peralatan tradisional dalam menjalankan pertanian ini. Budaya warisan petani yang diwarisi secara turun-temurun menyebabkan mereka tetap menjalankan pertanian padi bukit. Penghasilan padi sebagai sumber makanan keluarga juga menyebabkan petani ini meneruskan penanaman padi bukit.

Kata kunci : Sistem penanaman, pertanian, padi bukit, petani

ABSTRACT

UPLAND RICE CULTIVATION SYSTEM

Upland rice farming is one of the methods used by the farmers in rice cultivation. Upland rice farming is an activity by the farmers who live in the high land area. This agriculture also has its own variation to illustrate the uniqueness of a race who cultivates it. The difference of upland rice cultivation system in each area cause this field need a research. The aims of this study is to identify upland rice cultivation activities in Kampung Logub, Kiulu, Sabah. In addition, this study aims to study the upland rice cultivation system and the factors that influence farmers involved in upland rice cultivation. The research method used in this study is a qualitative method through interview and observation. Study data were analyzed using verbatim transcripts, narrative analysis and content analysis. This study find that the upland rice cultivation is done once in a year. The list of processes used in this upland rice cultivation system are "rumilik, managad, monutud, mongurak, momoom, mangasok, gumamas, momuhau, mongomot and mongihang". The farmers also still using traditional equipment in carrying out this agriculture. The culture of the farming heritage that is passed down from generation to generation cause them still continue upland rice farming. The production of rice as a source of family food also cause these farmers to cultivating upland rice.

Keywords : Planting system, agriculture, upland rice, farmer

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii-ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI FOTO	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 : PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Matlamat Kajian	2-3
1.2 Objektif Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Kepentingan Kajian	4
1.4.1 Meneliti proses pertanian padi bukit	5
1.4.2 Panduan pertanian padi bukit kepada petani baru	5
1.4.3 Sumber bacaan dan pengetahuan	5
1.4.4 Membantu dalam perkembangan ilmu	5-6
1.5 Skop Kajian	6
1.5.1 Limitasi Subjek	6
1.5.2 Limitasi Responden	6
1.5.3 Limitasi Kawasan	6
1.5.4 Limitasi Masa	7-8
1.6 Kerangka Konseptual	9
1.7 Ringkasan Keseluruhan Bab	10

BAB 2 : SOROTAN KARYA

2.0 Pengenalan	11
2.1 Latar Belakang Konsep	12
2.1.1 Sistem Penanaman	12
2.1.2 Pertanian	12-13
2.1.3 Padi dan Padi Bukit	13-14
2.2 Kajian Lepas	14
2.2.1 Aktiviti Penanaman Padi Bukit	14-15
2.2.2 Sistem Penanaman Padi Bukit	15-17
2.2.3 Faktor yang Mempengaruhi Sistem Penanaman Padi	17-25

BAB 3 : KAEDAH KAJIAN

3.0 Pengenalan	26
3.1 Kawasan Kajian	27
3.2 Kaedah Pengumpulan Data	28-29
3.2.1 Kaedah Temu Bual	29-30
3.2.2 Kaedah Pemerhatian	30
3.2.3 Kaedah Kepustakaan	30-31
3.3 Kaedah Menganalisis Data	31
3.3.1 Kaedah Deskriptif Statistik	31-32
3.3.2 Analisis Naratif	32
3.3.3 Analisis Kandungan	33
3.4 Kesimpulan	33

BAB 4 : ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	34
4.2 Dapatan Kajian	35
4.2.1 Demografi Informan	35-36
4.2.2 Aktiviti Penanaman Padi Bukit	36-39
4.2.3 Sistem Penanaman Padi Bukit	39-47
4.2.4 Faktor Mempengaruhi Penanaman Padi Bukit	47-50

4.3 Perbincangan	50-55
4.4 Kerangka Dapatan Keseluruhan	56

BAB 5 : KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	57
5.1 Rumusan Kajian	58-59
5.2 Cadangan Masa Depan	59
5.2.1 Cadangan kepada Petani	59
5.2.2 Cadangan kepada Masyarakat	59-60
5.2.3 Cadangan kepada kementerian/Jabatan	60
5.2.4 Cadangan Kajian Lanjutan	61
5.3 Penutup	61-62

RUJUKAN

63-67

LAMPIRAN

68-76



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.5.4	: Proses penyelidikan	8
Jadual 2.3	: Kajian lepas	19-25
Jadual 4.2.1	: Demografi informan	36
Jadual 4.2.2	: Nama lokal jenis benih padi	37-38



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.5 : Kerangka konseptual	9
Rajah 2.2.3 : Model of Human Interaction with the Environment	18
Rajah 3.3 : Carta alir kaedah kajian	28
Rajah 4.2.3 (a) : 9 proses penanaman padi bukit	43
Rajah 4.2.3 (b) : 10 proses penanaman padi bukit	43
Rajah 4.4 : Kerangka dapatan keseluruhan	56



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 3.2 : Peta kawasan kajian	27
Foto 4.2.2 (a) : Benih <i>Tadong</i>	37
Foto 4.2.2 (b) : Benih <i>Sorongot</i>	37
Foto 4.2.2 (c) : Benih <i>Mansud</i>	37
Foto 4.2.3 (a) : Parang	40
Foto 4.2.3 (b) : <i>Linggaman</i> (Pengetam padi)	40
Foto 4.2.3 (c) : <i>Wakid</i> (Digunakan untuk mengangkat hasil pertanian)	41
Foto 4.2.3 (d) : <i>Tongkisuus</i> (Kincir)	41
Foto 4.2.3 (e) : <i>Kipasan</i> (Alat mengasingkan padi berisi dan kosong)	42
Foto 4.2.3 (f) : <i>Poniri</i> (Bakul diperbuat daripada rotan)	42
Foto 4.2.3 (g) : Aktiviti <i>Monutud</i> (Membakar)	44
Foto 4.2.3 (h) : Aktiviti <i>Mangasok</i> (Menugal)	45
Foto 4.2.4 (a) : Aktiviti bergotong-royong	47
Foto 4.2.4 (b) : Kawasan bukit penanaman padi	49



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

- SBPKP** - Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan
- IPP** - Insentif Pengeluaran Padi
- DJBM** - Peningkatan Pengeluaran Beras Negara
- LPP** - Lembaga Pertubuhan Peladang



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Kampung Logub dan pertanian padi bukit	68
Lampiran B : Aktiviti temu bual	69
Lampiran C : Borang temu bual	70-72
Lampiran D : Transkrip temu bual	73-76



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Pertanian padi merupakan pertanian yang mengeluarkan sumber makanan utama Malaysia iaitu beras. Beras yang terhasil daripada padi adalah sangat penting kepada kehidupan masyarakat di Malaysia kerana ianya ialah makanan ruji bagi masyarakat di Malaysia (Mohd Tajuddin, 1986). Padi bukit merupakan antara satu daripada dua jenis pertanian penanaman padi yang dijalankan di Malaysia. Padi bukit ataupun padi huma ditanam di kawasan yang kering iaitu daratan yang tidak mempunyai takungan air (Mohd Tajuddin, 1986). Padi ini ditanam di kawasan bertanah tinggi ataupun di kawasan tanah pamah. Pertanian padi bukit dijalankan mengikut sistemnya tersendiri berdasarkan kepada lokaliti masyarakatnya yang juga dipengaruhi oleh kaum yang menduduki di kawasan tersebut. Sistem pertanian yang pelbagai yang dijalankan oleh masyarakat memperlihatkan kepelbagaian sistem pertanian padi bukit.

Negeri Sabah mempunyai jumlah petani padi yang banyak iaitu kira-kira 30,000 petani dan mereka daripada golongan petani yang berpengalaman dalam pertanian padi bukit tradisional (Helda,2015). Data ini menunjukkan bahawa Sabah juga merupakan negeri yang boleh menghasilkan beras mereka sendiri. Kota Belud merupakan kawasan penanaman padi yang paling luas di Sabah iaitu dengan keluasan 8, 502 hektar (Helda,2015). Namun begitu, kawasan-kawasan daerah yang lain di Sabah juga menjalankan pertanian padi bukit ini.

Kajian ini mengkaji terhadap isu sistem penanaman padi bukit oleh petani di Kampung Logub Kiulu. Hal ini kerana setiap kawasan mempunyai cara mereka tersendiri mengikut budaya turun temurun di sesebuah kawasan kampung yang

masih mengamalkan pertanian berasaskan tradisional. Tambahan pula, proses dan faktor dalam menjalankan pertanian di setiap kawasan juga berbeza terutamanya dari segi teknologi yang digunakan dan masih mengutamakan penggunaan teknologi tradisional. Semestinya petani tersebut masih memelihara budaya warisan mereka secara turun-temurun. Oleh itu, kepelbagaian sistem pertanian padi bukit ini menjadi satu isu yang perlu dikaji. Hal ini supaya, kepelbagaian sistem penanaman padi bukit di setiap lokaliti dapat dikenalpasti dan dijadikan panduan yang baik dalam sistem penanaman padi bukit.

Sistem penanaman padi bukit wajar dikaji bagi mengkaji kepelbagaian penanaman padi bukit. Jika isu ini tidak dikaji kepelbagaian sistem penanaman padi bukit tidak dapat dikenalpasti. Tambahan pula, pertanian padi bukit melibatkan penggunaan ruang alam sekitar. Pengenalpastian sistem penanaman ini juga sangat penting bukan sahaja melihat kebergantungan manusia terhadap alam sekitar tetapi juga terhadap pengurusan manusia kepada alam sekitar yang diteroka. Hal ini kerana, jika isu ini dibiarkan tanpa kajian pengurusan terhadap alam sekitar dalam sistem penanaman padi bukit juga boleh mengakibatkan kesan negative kepada alam sekitar.

Isu ini harus dikaji dan dikenalpasti dengan lebih baik supaya sistem penanaman padi bukit ini dapat dijelajahi dengan baik. Kajian ini bukan sahaja dapat merungkakan kepelbagaian sistem penanaman padi bukit tetapi ianya juga boleh dijadikan sebagai satu pengetahuan yang berguna terhadap sistem penanaman ini. Oleh itu, kajian ini mengkaji terhadap sistem penanaman padi bukit secara holistik di kawasan Kampung Logub yang masih menjalankan pertanian ini secara tradisional. Hal ini supaya kepelbagaian sistem penanaman padi bukit setempat dapat diketahui ramai. Bukan sahaja itu, kajian ini juga boleh dijadikan satu panduan yang sangat penting untuk memberikan ilmu kepada masyarakat dalam menggunakan alam sekitar dengan baik bagi kepentingan hidup masyarakat.

1.1 Matlamat Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti sistem pertanian padi bukit yang diamalkan oleh petani di Kampung Logub, Kiulu, Tuaran. Aktiviti pertanian padi bukit ini ialah

aktiviti pertanian yang majoritinya dijalankan oleh penduduk di kawasan ini. Setiap kawasan mempunyai sistem pertanian padi bukit yang berbeza-beza mengikut budaya masyarakat setempat di kawasan tersebut. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji terhadap jenis benih padi, kekerapan penanaman serta cara pertanian ini dijalankan oleh penduduk di kawasan ini. Hal ini supaya, kepelbagaian sistem pertanian padi bukit dapat dikenalpasti.

Kajian ini juga adalah untuk mengkaji proses pertanian padi bukit ini dijalankan. Pengenalpastian proses ini melibatkan berapakah proses, peralatan, ritual dan proses lain yang terlibat dalam aktiviti ini. Proses penanaman ini penting untuk dikenalpasti bagi membantu memahami bagaimana aktiviti ini dijalankan di kawasan ini. Kajian ini seterusnya membantu generasi muda untuk meneruskan pertanian ini secara turun-temurun. Hal ini kerana, setiap tempat juga mempunyai proses mereka sendiri mengikut budaya setempat mereka.

Akhir sekali, kajian ini akan menghuraikan faktor pertanian padi bukit ini dijalankan di kawasan ini. Kajian ini akan membantu dalam merungkaikan mengapakah kawasan ini majoritinya menjalankan pertanian ini. Tambahan pula, setiap kawasan mempunyai faktor-faktornya tersendiri dalam memilih jenis pertanian majoriti. Kajian ini seterusnya membantu memahami kebergantungan aktiviti manusia terhadap alam sekitar.

1.2 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian yang hendak dicapai dalam melaksanakan kajian ini:

- i. Menenalpasti aktiviti penanaman padi bukit di Kampung Logub, Kiulu, Sabah.
- ii. Mengkaji sistem penanaman padi bukit di Kampung Logub.
- iii. Menghuraikan faktor yang mempengaruhi sistem penanaman padi bukit di Kampung Logub.

1.3 Permasalahan Kajian

Isu kajian ini dijalankan ialah isu terhadap sistem pertanian padi bukit di Kampung Logub, Kiulu. Aktiviti pertanian padi bukit merupakan aktiviti tahunan penduduk di kawasan ini untuk mendapatkan sumber padi sendiri secara tradisional. Aktiviti pertanian dijalankan secara bervariasi di antara kawasan mengikut bentuk muka bumi di setiap kawasan serta juga dipengaruhi oleh adat tradisional di sebuah kawasan. Kepelbagaian sistem pertanian padi bukit di Kampung Logub ini dikaji untuk mengenalpasti sistem pertanian padi bukit yang dijalankan di kawasan ini. Hal ini supaya, sistem pertanian padi bukit di kawasan ini yang juga saling berkaitan dengan bentuk muka bumi di kawasan tersebut dapat difahami oleh setiap lapisan golongan masyarakat.

Seterusnya, isu aktiviti pertanian padi bukit dikaji untuk menghuraikan langkah-langkah sistem ini dijalankan. Hal ini supaya aktiviti pertanian padi bukit yang dijalankan oleh petani dapat dikenalpasti dengan lebih dalam. Sistem pertanian padi bukit yang dijalankan adalah untuk mengenalpasti setiap proses sistem ini dijalankan. Penghuraian setiap proses ini juga membantu memberi pengertian bagaimana aktiviti ini boleh memelihara alam sekitar walaupun menjalankan aktiviti pertanian padi bukit.

Akhir sekali, kajian ini harus dijalankan bagi meneliti faktor yang mempengaruhi petani untuk menjalankan pertanian padi bukit ini. Setiap masyarakat mempunyai faktor yang berbeza-beza dalam menjalankan aktiviti pertanian ini. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan dengan lebih mendalam faktor yang mempengaruhi aktiviti ini.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini membawa beberapa kepentingan yang menyebabkan isu ini harus dikaji. Hal ini kerana isu sistem pertanian padi bukit sangat berkait rapat dengan aktiviti manusia dan juga alam sekitar dan haruslah sentiasa mencapai tahap keseimbangan yang baik. Kepentingan utama kajian ini dijalankan ialah untuk :

1.4.1 Meneliti Proses Aktiviti Pertanian Padi Bukit

Kajian ini mengkaji terhadap proses pertanian padi bukit. Hal ini kerana, aktiviti pertanian padi bukit ini dijalankan mengikut kepada proses yang betul. Oleh itu, kajian ini dapat mengkaji dengan lebih baik dan mendalam terhadap proses yang digunakan oleh petani dalam menjalankan pertanian padi bukit.

1.4.2 Panduan Pertanian Padi Bukit kepada Petani Baru

Kajian ini juga penting untuk dikaji kerana ianya boleh dijadikan sebagai satu panduan kepada petani baru yang ingin menjalankan pertanian padi bukit. Bukan sahaja itu, ianya juga boleh dijadikan sebagai panduan untuk petani baru menggunakan cara yang lebih baik dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi baru supaya pertanian padi bukit ini lebih mudah dijalankan dan pengurusan alam sekitar juga tetap diutamakan.

1.4.3 Sumber Bacaan dan Pengetahuan

Selain itu, bidang kajian ini harus dikaji kerana ianya sangat penting kepada semua masyarakat sebagai satu bahan bacaan dan pengetahuan terhadap cara manusia menggunakan sumber alam sekitar dengan bermanfaat. Melalui pembacaan ini juga dapat menyedarkan masyarakat untuk untuk memanfaatkan sumber alam sekitar yang ada untuk meneruskan kehidupan. Tambahan pula, penggunaan sumber alam sekitar ini juga disertakan dengan pengurusan alam sekitar yang baik.

1.4.4 Membantu dalam Perkembangan Ilmu

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk membantu dalam perkembangan sistem pertanian padi bukit. Hasil kajian ini menjadi sumber bacaan kepada pelajar untuk lebih memahami sistem pertanian padi bukit ini dijalankan. Bukan sahaja itu, melalui kajian ini dapat menjadi satu sumber rujukan kepada pelajar

yang ingin mengkaji tentang sistem pertanian padi bukit.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian dibahagiakan kepada tiga bahagian. Antaranya ialah limitasi subjek, limitasi kawasan dan limitasi masa.

1.5.1 Limitasi Subjek

Limitasi subjek ini ialah pengkaji hanya mengkaji terhadap isu sistem pertanian padi bukit di Kampung Logub, Kiulu. Pengkaji mengkaji aktiviti pertanian padi bukit di kawasan ini. Seterusnya, pengkaji menghuraikan proses-proses yang berlaku dalam sistem pertanian padi bukit di kawasan ini. Akhir sekali, kajian ini mengkaji faktor-faktor penanaman padi bukit di kawasan ini.

1.5.2 Limitasi Informan

Informan yang ditemubual pengkaji merupakan mereka yang bekerja sebagai petani yang mengusahakan pertanian padi bukit. Petani yang ditemubual oleh pengkaji merupakan petani yang berpengalaman dan sudah lama menjalankan pertanian padi bukit. Petani yang ditemubual juga dijalankan kepada petani lelaki dan perempuan.

1.5.3 Limitasi Kawasan

Pengkaji telah memilih kawasan Kampung Logub Kiulu yang terletak di daerah Tuaran di negeri Sabah sebagai skop kajian. Kawasan perkampungan ini berada di kawasan luar bandar dan penduduknya terdiri daripada kaum dusun. Majoriti penduduk di kawasan perkampungan ini menjalankan aktiviti pertanian padi bukit. Kajian ini juga dijalankan adalah di sekitar kawasan aktiviti pertanian padi bukit sahaja.

1.5.4 Limitasi Masa

Akhir sekali, tempoh masa yang diambil oleh pengkaji dalam menyiapkan kajian ini adalah selama dua semester pengajian termasuk proses mengutip data dan penulisan tesis, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.5.4. Pengkaji juga mengambil masa selama lebih kurang dua minggu untuk mendapatkan data dan membuat tinjauan di lokasi kajian. Data-data yang diambil di kawasan kajian pula temu bual dan membuat tinjauan serta mengambil gambar lokasi terjadinya aktiviti pertanian padi bukit.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Jadual 1.5.4 Proses Penyelidikan

Bil	Perkara	Tarikh
1.	Mencari tajuk yang sesuai.	30 September 2021
2.	Membuat proposal kajian untuk disemak penyelia.	11 Disember 2021
3.	Membuat rangka bab kajian. i. Membahagikan setiap bahagian bab mengikut urutan.	24 Januari 2022
4.	Menyatakan isi penting dalam bab. i. Mengumpul sorotan karya daripada kajian-kajian lepas.	22 Februari 2022
5.	Membuat borang temu bual.	22 Mac 2022
6.	Mengumpul data. i. Temu bual ii. Pemerhatian	15-27 April 2022
7.	Menganalisis data i. Dapatan kajian ii. Perbincangan	20 Mei-20 Julai 2022
8.	Membuat kesimpulan keseluruhan kajian.	26-27 Julai 2022